

Jaga keharmonian lebih utama

Apa-apa bercanggah dengan kebiasaan masyarakat perlu diberi penerangan

SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

SHAH ALAM

Kepentingan menjaga keharmonian dalam masyarakat lebih utama daripada membiasakan perkara menyentuh sensitiviti seperti membawa anjing yang berlaku tanpa ada polisi ketat.

Pendakwah, Ustazah Shadiya Abbas berkata, isu berkenaan dilihat agak sensitif kerana umat Islam di negara ini berpegang kepada mazhab Syafie.

Beliau berkata, bukan tidak boleh memegang anjing, tetapi kita di Malaysia adalah pengikut mazhab Syafie.

Maka, katanya, apabila ada Muslim membawa dan memegang

anjing secara terbuka tanpa sebab munasabah ia akan mengelirukan orang awam.

"Harus memegang anjing untuk pembelajaran, membelanya untuk jaga keselamatan, menjelajah penjenayah dan membantu pemburuan.

"Pemilik anjing bermazhab Syafie mestilah tahu had antara anjing dan manusia, itu membezakan kita dengan mazhab bahkan dengan agama lain.

"Kaedah serta mestilah dilakukan agar ibadah kita tak terjejas andainya najis mughallazah ada pada badan kita," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, jika pelajar yang dalam tempoh praktikal perlu membawa anjing atau mendukung babi, ia mesti dilakukan dalam



SHADIYA

kawasan kampus atau jika dilakukan di luar kampus, mereka perlu memakai uniform khas.

Katanya, tenaga pengajar juga perlu mengambil peranan dan tidak boleh membiarkan pelajarnya tanpa sebarang

penyeliaan.

"Mesti ada polisi apabila kita membawa keluar sesuatu benda yang tidak biasa dalam masyarakat.

"Contohnya, membawa keluar harimau, pasti kelam kabutlah masyarakat melihatnya kerana ia sesuatu yang di luar jangkaan.

"Doktor Veterinar pun apabila buat rawatan mana-mana haiwan yang sakit, ia akan dilakukan dalam klinik dan bukannya di tempat terbuka," ujarnya.

Katanya, apa-apa bercanggah dengan kebiasaan masyarakat

UPM jawab tular pelajar bawa anjing

WARTAWAN SINAR HARIAN
4 JULAI 2018

[Facebook](#) [Twitter](#) [WhatsApp](#) [Email](#) [More](#) [THUMBNAIL](#)



Klip video pelajar membawa anjing yang menjadi tular di laman sosial.

perlu diberi penerangan sama ada secara percakapan, penulisan atau perbuatan.

Baru-baru ini, tular sebuah klip video memaparkan tiga wanita Islam yang juga pelajar dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) Universiti Putra Malaysia (UPM) membawa anjing.

Bagaimanapun, Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Profesor Dr Nor Kamariah Noordin menjawab isu berkenaan dalam kenyataannya dengan mengatakan, ketiga-tiga pelajar Doktor Perubatan Veterinar (DPV) itu sedang menjalani latihan praktikal luar kampus.